KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2015

1 Oktober

Bank Negara Malaysia, dengan kerjasama Rangkaian Antarabangsa OECD mengenai Pendidikan Kewangan (International Network on Financial Education, INFE) menganjurkan Simposium Global mengenai Kesejahteraan Kewangan di Kuala Lumpur. Dengan bertemakan "Memanfaatkan momentum dan mengenal pasti hala tuju baharu", simposium ini bertujuan mengenal pasti dasar dan strategi pendidikan kewangan serta perlindungan pengguna yang inovatif bagi meningkatkan momentum ke arah menambahkan kesejahteraan kewangan dan memajukan inisiatif celik kewangan. Peserta simposium berbincang mengenai strategi dasar yang optimum dan cabaran serta peluang pelbagai pendekatan pendidikan kewangan yang diambil. Mereka turut mengkaji peranan teknologi dalam program pendidikan kewangan. Negara anggota OECD/INFE juga komited untuk terus berkongsi amalan dan hasil daripada penilaian impak untuk meningkatkan keberkesanan dasar pendidikan kewangan dan perlindungan pengguna.

29 Oktober

Bank Negara Malaysia (Bank) mengumumkan bahawa Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 dan Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 telah berkuat kuasa pada 14 September 2015. Peraturan ini menyediakan peruntukan bagi kelulusan, pengawasan dan obligasi Skim Ombudsman Kewangan (Financial Ombudsman Scheme, FOS) di Malaysia. Peraturan ini merintis jalan bagi penubuhan FOS sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian kewangan bagi pengguna dan meningkatkan perlindungan pengguna. Cadangan rangka kerja FOS telah disiarkan pada 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai terlebih dahulu dan sokongan meluas terhadap cadangan itu. FOS dijangka mula beroperasi pada suku pertama 2016. Dengan adanya FOS, pengguna boleh membawa pertikaian yang layak yang melibatkan penyedia perkhidmatan kewangan berlesen untuk penyelesaian.

4 November

Pada Majlis Makan Malam Pelancaran Dana Endowmen INCEIF (IEF), Gabenor Dr. Zeti menyorot pencapaian INCEIF sedekad yang lalu dalam membentuk landskap pembangunan tenaga mahir dalam industri kewangan Islam domestik dan global. Dengan mengambil inspirasi daripada pencapaian tersebut, Gabenor Dr. Zeti menegaskan keperluan untuk berpandangan jauh mengenai cara mengekalkan kedinamikan INCEIF berdasarkan keperluan semasa dan perubahan pada masa akan datang. Untuk menuju ke tahap seterusnya, INCEIF dijangka menghadapi cabaran yang lebih besar sebagai institusi pendidikan siswazah yang ulung dalam kewangan Islam. Oleh itu, pendekatan baharu berserta sokongan yang lebih besar diperlukan daripada peserta industri dan sektor korporat. IEF yang dilancarkan ini telah distrukturkan untuk menjadi laluan moden dan boleh diakses pengamal industri dan sektor korporat untuk menjadi sebahagian daripada INCEIF pada masa akan datang. Gabenor Dr. Zeti percaya dengan adanya sokongan sebegini akan meningkatkan potensi INCEIF untuk menjadi peneraju pengetahuan yang berwibawa dalam kewangan Islam.

5 November

Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.25% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Public Committee, MPC) bulan November 2015. Dalam penilaian MPC, ekonomi Malaysia terus dipengaruhi persekitaran luaran yang lembap. Walaupun permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, risiko pertumbuhan menjadi lemah masih tinggi. Sementara itu, inflasi dijangka kekal stabil secara relatif pada suku keempat 2015 meskipun kadar pertukaran ringgit lebih lemah. Bagi tahun 2016, inflasi diunjurkan lebih tinggi, dan akan mencapai tahap tertingginya pada suku pertama dan menjadi sederhana selepas itu. MPC menyedari bahawa terdapat peningkatan risiko dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Risiko-risiko ini sedang dipantau dengan teliti untuk mengkaji implikasinya terhadap kestabilan makroekonomi dan prospek ekonomi Malaysia.

6 November

Dalam ucapan khas di majlis penganugerahan Institut Bank-Bank Bertauliah Asia (Asian Institute of Chartered Bankers, AICB), Gabenor Dr. Zeti menyampaikan rasa penghargaannya kepada AICB atas Anugerah Ahli Seumur Hidup. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kekuatan dan kemampanan industri perkhidmatan kewangan akan ditegarkan atas dasar kepercayaan dalam keadaan dunia kewangan yang pesat berubah. Oleh itu, sektor perkhidmatan kewangan perlu menjadi peneraju amalan terbaik antarabangsa kerana ini merupakan faktor utama yang menggalakkan pertumbuhan, kestabilan dan integriti sistem kewangan. Memandangkan industri ini memberikan kesan dan jangkauan meluas terhadap kebanyakan segmen ekonomi, terdapat tuntutan baharu untuk standard tadbir urus, profesionalisme dan perlakuan beretika yang tinggi. AICB memikul tugas yang amat besar pada masa akan datang dalam memacu agenda pendidikan profesional dan standard etika.

13 November

Pada sidang akhbar KDNK suku ketiga, Bank mengumumkan ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% (S2 2015: 4.9%), disokong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia berkembang 0.7% (S2 2015: 1.1%). Sementara itu, Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 3.0% (S2 2015: 2.2%) disebabkan oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan beralkohol berikutan kekurangan bekalan yang berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk. Kategori pengangkutan turut menyumbang kepada peningkatan inflasi berikutan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi pada suku ketiga. Bagi tempoh yang sama, lebihan perdagangan berjumlah RM22.2 bilion (S2 2015: RM20.4 bilion). Eksport kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% (S2 2015: -3.7%), disokong terutamanya oleh peningkatan yang menyeluruh dalam eksport barangan perkilangan.

17 November

Bank dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, DOSM) dan Institut Statistik Malaysia (Malaysia Institute of Statistics, ISM), menganjurkan Persidangan Perangkaan Malaysia Ke-3 (Malaysia Statistics Conference (MyStats2015)) di Sasana Kijang. Bertemakan “Memperkaya Perangkaan dalam Dunia yang Saling Berhubung dan Dunia Digital”, para peserta berbincang mengenai permintaan terhadap perangkaan tambahan atau baharu untuk analisis, pengawasan dan membuat keputusan dalam dunia yang sangat saling berhubung pada hari ini. Senator Dato’ Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, merasmikan persidangan itu manakala Timbalan Gabenor Datuk Muhammad Ibrahim mewakili Bank bagi menyerikan lagi

majlis tersebut. Semasa persidangan, kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan merangkumi topik berkaitan dengan memenuhi keperluan perangkaan untuk warga digital, evolusi dalam pengumpulan data dan maklumat, metodologi dan aplikasi perangkaan serta analisis data besar (big data analytics).

23 November

Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengalu-alukan pengumuman oleh People's Bank of China untuk meluaskan program *Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor* (RQFII) kepada Malaysia dengan memberikan kuota agregat sebanyak RMB50 bilion. Pemberian ini akan melengkapkan pengaturan bank penjelasan renminbi di Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini secara bersama akan menyokong aliran perdagangan, pelaburan dan kewangan yang semakin meningkat antara China dengan Malaysia, serta meletakkan Malaysia sebagai sebuah lagi pusat renminbi luar pesisir di rantau ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan terus bekerjasama dengan China Securities Regulatory Commission untuk melaksanakan program RQFII.

26 November

Bank memperkenalkan tiga aplikasi mudah alih baharu bagi memudahkan pengguna kewangan membuat keputusan kewangan yang lebih bijak. Aplikasi mudah alih ini ialah MyBNM, BNM MyLink dan MyTabung. MyBNM merupakan aplikasi mudah alih rasmi Bank yang membolehkan pengguna mengikuti perkembangan terkini berkaitan dengan laporan kewangan, termasuk siaran akhbar, amaran penipuan kewangan dan kadar pertukaran asing. BNM MyLink ialah aplikasi mudah alih setempat yang menyediakan saluran terus antara pengguna dengan penyedia perkhidmatan kewangan di Malaysia. Ini membolehkan para pengguna kewangan untuk membuat pertanyaan, mendapatkan nasihat dan menangani aduan pengguna. MyTabung ialah aplikasi untuk individu membuat belanjawan peribadi atau belanjawan isi rumah serta mendapatkan nasihat kewangan dan tip berbelanja untuk pengurusan kewangan berhemat. Penggunaan aplikasi mudah alih ini akan membolehkan pengguna mendapat maklumat terkini mengenai hal-hal kewangan, saluran untuk menggunakan hak mereka sebagai pengguna kewangan, dan sebagai alat untuk merancang dan mengurus kewangan mereka dengan lebih baik.

1 Disember 2015

Gabenor Dr. Zeti dalam ucapan beliau pada Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Iclif Asia 2015 yang ketiga menyatakan bahawa daya tahan merupakan kunci kepada kelangsungan hidup dalam dunia yang semakin tidak menentu dan tidak stabil. Berkongsi pandangan mengenai kerjaya beliau yang begitu panjang sebagai ketua bank pusat, Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa keupayaan untuk menghadapi keadaan yang sangat sukar ini dengan tabah adalah dengan mempunyai tujuan yang amat jelas apa yang hendak dicapai. Tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap kesejahteraan ekonomi rakyat merupakan pendorong utama ketabahan tersebut. Tenaga juga diperoleh dengan mengetahui bahawa setiap keputusan Bank akan memberikan kesan yang besar dan meluas. Paling utama ialah memanfaatkan tenaga seluruh organisasi ketika menghadapi tempoh yang mencabar, dan mempunyai visi dan objektif yang amat jelas. Selain itu, bank-bank pusat juga perlu tahu masalah yang mungkin timbul dan membina penampan untuk menghadapi kemungkinan terburuk. Kesimpulannya, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa tuntutan terhadap kepimpinan adalah amat besar. Dalam persekitaran antarabangsa dan dalam negeri pada masa ini, tenaga kepimpinan yang mampan juga diperlukan.